

Perbezaan Budaya dalam Terjemahan Lagu-Lagu P. Ramlee

The Culture Differences in P. Ramlee's Songs Interpretation

MUHAMMAD NUR AKMAL ROSLI & ROHAIDAH KAMARUDDIN

ABSTRAK

*Penterjemahan merupakan satu bidang yang menghubungkan dua budaya berbeza dalam dua kelompok masyarakat yang berbeza. Bidang penterjemahan berfungsi sebagai medium untuk memperkenalkan budaya asing kepada masyarakat supaya tidak menimbulkan salah faham. Kajian ini dilaksanakan bagi membincangkan perbezaan budaya dalam terjemahan lagu-lagu P. Ramlee yang melibatkan budaya Melayu dan budaya barat. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesalahan terjemahan yang terdapat dalam lagu-lagu P. Ramlee dan membincangkan perbezaan budaya yang terdapat dalam terjemahan lagu-lagu P. Ramlee. Tiga buah lagu P. Ramlee telah dijadikan sebagai bahan kajian iaitu lagu *Aci-aci Buka Pintu*, *Mencece* dan lagu *Bunyi Gitar*. Pengumpulan data bagi kajian ini adalah melalui kaedah analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat banyak kesalahan dalam terjemahan lirik lagu tersebut. Kesalahan ini telah dinyatakan dan perbezaan budaya dalam terjemahan itu turut dibincangkan dalam kajian ini. Antara perbezaan budaya yang dikesan ialah hubungan sosial, ekologi, peribahasa dan kiasan, warna, ungkapan lisan, kepercayaan masyarakat, kebendaan dan peralatan. Kajian ini diharapkan dapat menerangkan dengan lebih jelas mengenai budaya masyarakat luar yang berbeza dengan budaya masyarakat tempatan. Kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan sebagai bahan rujukan atau bacaan kepada sesiapa sahaja sekiranya hendak menjalankan kajian dalam bidang yang sama bagi tujuan penambahbaikan demi kepentingan bersama.*

Kata kunci: Penterjemahan; perbezaan budaya; bahasa Melayu; bahasa Inggeris

ABSTRACT

*Interpretation is a field that relates two different cultures in two different societies. The field is a medium to introduce foreign culture to the society in order to avoid misunderstanding or misconception. This study is carried out to discuss the cultural differences in P. Ramlee's songs interpretation which involve Malay and Western culture. The objectives of this study are to determine interpretation errors in P. Ramlee's songs and discuss cultural differences in the interpretation of the song. Three songs are used as research materials which is *Aci-Aci Buka Pintu*, *Mencece* and *Bunyi Gitar*. The process of data collection for this study is through contents analysis method. Research finding shows that there are lots of errors in the lyrics' interpretation. The errors are stated and cultural differences in the interpretation are also discussed in this study. There are several cultural differences found in the study which are the social relationship, ecology, proverb and allegory, colour, oral expression, society belief, material and equipment. It is hoped that this study will be able to explain the differences between foreign and local cultures. It is also hoped this study can be used as a reference or reading materials for future researchers in the same field for better improvement.*

Keywords: Interpretation; culture differences; Malay language; English language

PENGENALAN

Budaya atau kebudayaan merupakan keseluruhan identiti pemikiran dan perlakuan manusia melalui proses pembelajaran yang diwarisi daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Perkataan budaya berasal daripada bahasa Sanskrit iaitu *buddhayah*, kata jamak bagi perkataan *buddhi* yang bermaksud budi dan akal. Secara umumnya, budaya membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan budi dan akal manusia. Dalam

bahasa Inggeris, budaya dikenali sebagai *culture* yang berasal daripada bahasa Latin iaitu *colore* yang bermakna mengolah dan mengerjakan. Budaya terbentuk daripada beberapa unsur termasuk sistem agama dan politik, adat istiadat, bahasa, pakaian dan karya seni.

Penterjemahan ialah satu kegiatan yang membabitkan pemindahan maklumat daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain. Bahasa yang diterjemah itu dikenali sebagai bahasa sumber, manakala bahasa sasaran pula merupakan bahasa

yang telah diterjemah daripada bahasa sumber. Walaupun penterjemahan dilakukan melalui pemindahan maklumat daripada satu bahasa kepada bahasa yang berlainan, namun setiap maklumat yang diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran mempunyai makna yang sama dengan bahasa sumber. Menurut Catford (1996), penterjemahan adalah operasi yang dilakukan pada bahasa, iaitu satu proses menggantikan teks dalam satu bahasa kepada satu bahasa yang lain. Oleh hal yang demikian, terjemahan juga merupakan salah satu cara manusia berkomunikasi antara satu sama lain dengan menggunakan bahasa yang berbeza tetapi mempunyai makna yang sama dan maklumat yang hendak disampaikan dapat difahami oleh kedua-dua pihak.

Penterjemahan bukan sahaja menukarkan sesuatu bahasa kepada bahasa yang lain, malah bidang ini juga memainkan peranan dalam menyebarkan maklumat-maklumat tentang budaya lain yang terkandung dalam teks bahasa sumber. Menurut Asmah Hj. Omar dalam Mohd Taib Osman (1985), “...*language is an index to culture. This mean than language reflects the culture of its speakers – the way of life they lead as well their physical and social environment...*”. Dengan ini, sekiranya sesuatu bahasa sumber yang diterjemah itu di luar konteks budaya masyarakatnya, maka hal ini akan menyukarkan proses untuk memahami maklumat yang hendak disampaikan sama ada maknanya sama atau berbeza dengan teks asal. Oleh itu, pengkaji mengambil isu dan aspek kebudayaan ini sebagai fokus kepada kajian pengkaji tentang perbezaan budaya dalam terjemahan lagu-lagu P. Ramlee.

SOROTAN KAJIAN

Budaya dalam penterjemahan telah banyak dikaji dan dibincangkan dalam kajian yang lepas sama ada dalam atau luar negara. Pembacaan dan penyelidikan yang teliti terhadap kajian yang pernah dilakukan mengenai budaya dalam penterjemahan adalah sangat penting serta bermanfaat kepada pengkaji bagi membantunya dalam menjalankan kajian dalam bidang yang sama. Pengkaji turut mengupas isi-isi atau pendapat yang telah dikemukakan oleh pengkaji yang lepas bukan sahaja untuk mendapatkan maklumat tentang kajian yang bakal dilakukan, namun pengkaji juga hendak berkongsi maklumat dengan pembaca atau pengkaji yang mungkin berminat untuk menjalankan kajian mengenai budaya dalam penterjemahan.

Baker (1992) dalam kajiannya iaitu makna frasa idiomatik turut membincangkan tentang penterjemahan idiom dan ungkapan yang tetap. Baker menggariskan dua masalah dalam penterjemahan idiom iaitu kemampuan untuk mengenal pasti dan menginterpretasi idiom dengan tepat, manakala masalah kedua ialah kesukaran untuk membawa pelbagai aspek makna idiom ke dalam bahasa sasaran. Baker juga telah menyenaraikan empat kesukaran dalam menterjemahkan idiom iaitu sesebuah idiom mungkin tidak mempunyai padanan dalam bahasa sasaran. Cara sesuatu bahasa menyatakan atau tidak menyatakan sesuatu makna adalah berbeza. Ada yang menyatakan sesuatu makna menerusi perkataan mufrad, ada yang menerusi ungkapan yang tetap dan ada yang menyatakannya menerusi idiom. Oleh sebab itu, adalah tidak realistik untuk mengharapkan idiom dan ungkapan yang sepadan dalam bahasa sasaran. Kesukaran kedua ialah sesebuah idiom atau ungkapan tetap mungkin mempunyai padanan yang sama dalam bahasa sasaran tetapi konteks penggunaannya mungkin berbeza. Mungkin kedua-duanya mempunyai konotasi yang berbeza atau secara pragmatiknya tidak boleh dipindahkan. Kesukaran ketiga ialah sesebuah idiom dalam bahasa sumber mungkin diterjemahkan secara literal atau idiomatik ke dalam bahasa sasaran. Sesebuah idiom tidak boleh dilahirkan semula dalam bahasa sasaran melainkan idiom bahasa sasaran dapat bertindak balas kepada idiom bahasa sumber daripada segi bentuk dan juga makna. Kesukaran terakhir ialah penggunaan idiom dalam wacana bertulis, konteks dan kekerapan penggunaannya mungkin berbeza antara bahasa sumber dan bahasa sasaran.

Normalis Amzah (2008) dalam kajiannya iaitu *Unsur Budaya dalam Terjemahan Bahasa Jepun ke Bahasa Melayu: Analisis Karya Konosuke Matsushita* telah mengenal pasti dan membincangkan topik yang berkaitan budaya dalam penterjemahan. Fokus kajian ini adalah mengenai unsur-unsur budaya yang terdapat dalam terjemahan dan bahasa yang dipilih oleh pengkaji ialah bahasa Jepun sebagai bahasa sumber manakala bahasa Melayu sebagai sasaran. Tujuan kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti pengaruh unsur budaya Jepun dalam terjemahan teks pengurusan ke dalam bahasa Melayu. Beliau berpendapat bahawa pengekalannya koheren dalam sesebuah penterjemahan adalah sangat penting jika hendak dibandingkan dengan interpretasi unsur budaya tersebut dalam teks terjemahan. Selain itu, beliau turut melihat

kaedah terjemahan yang boleh digunakan dalam menterjemahkan unsur budaya. Berdasarkan pemerhatian tersebut, beliau telah membataskan kajiannya kepada empat unsur budaya iaitu realia, bahasa kiasan, ungkapan memberi dan menerima serta kata hormat. Hasil daripada kajian yang dilakukan oleh Normalis Amzah, beliau mendapati bahawa empat unsur budaya yang dikajinya mempunyai peratusan kemunculan yang tinggi.

Khairunisah (2008) dalam kajiannya yang bertajuk *Unsur Budaya Dalam Koleksi Terjemahan Cerita Jenaka Bahasa Melayu-Bahasa Jerman: Satu Analisis* telah membincangkan unsur budaya dalam penterjemahan daripada bahasa Melayu kepada bahasa Jerman. Kajian ini memfokuskan kepada beberapa aspek iaitu ciri-ciri budaya daripada teks sumber kepada teks sasaran, masalah pengalihan budaya dalam penterjemahan dan fungsi atau kesan teks terjemahan sama seperti fungsi sebenar cerita jenaka Melayu. Beliau telah memilih dua cerita jenaka Melayu iaitu Lebai Malang dan Pak Belalang. Beliau juga telah membataskan kajiannya kepada genre jenaka kerana genre ini banyak memperlihatkan budaya masyarakat Melayu dan mempunyai mesej-mesej yang tersirat di sebalik ungkapan yang tersurat. Berdasarkan kajian tersebut, Khairunisah mendapati bahawa unsur budaya yang hilang mewakili peratus yang paling tinggi iaitu sebanyak 48%, diikuti dengan 26% bagi unsur budaya yang disesuaikan semula, manakala unsur budaya yang dikekalkan ialah 15% dan 11% mewakili unsur budaya yang salah diterjemahkan.

Noraziah (2014) telah menghuraikan tentang leksikal budaya melalui kajiannya yang bertajuk *Analisis Leksikal Budaya Dalam Rimba Harapan dan Terjemahannya La Jungle De L'espoir*. Dalam kajian tersebut, Noraziah telah menekankan tentang leksikal budaya yang terdapat dalam teks Rimba Harapan dan terjemahannya *La Jungle De L'espoir*. Beliau juga memfokuskan kepada persamaan dan perbezaan leksikal budaya Melayu dan Perancis daripada segi semantik. Noraziah turut menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi persamaan dan perbezaan terjemahan leksikal budaya Melayu-Perancis. Beliau telah membataskan kajiannya kepada aspek-aspek leksikal budaya dalam novel Rimba Harapan dan terjemahannya serta beliau turut membataskan kepada 10% sahaja daripada setiap kategori leksikal budaya yang paling sinonim dengan masyarakat Melayu. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Noraziah, beliau mendapati bahawa terdapat kira-kira 484

jumlah leksikal budaya dalam bahasa Melayu. Namun begitu, tidak semua leksikal ini berjaya diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis kerana ketiadaan leksikal dalam bahasa Perancis yang sepadan dengan leksikal bahasa sumber. Jumlah yang berjaya diterjemah ke dalam bahasa Perancis adalah sebanyak 435 jumlah leksikal dan 49 daripada jumlah leksikal dalam bahasa Melayu yang dikenal pasti tidak dapat diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis.

METODOLOGI

Dalam melaksanakan sesuatu kajian atau penyelidikan, terdapat beberapa metodologi yang digunakan untuk mencari data yang berkaitan dan tepat bagi memenuhi kehendak kajian, menjawab persoalan kajian dan juga mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Kajian ini berbentuk analisis kandungan atau kajian teks yang didefinisikan sebagai satu teknik penyelidikan secara objektif, sistematik, kuantitatif dan lahiriah. Analisis kandungan merupakan satu bentuk analisis terhadap bahan-bahan bercetak seperti akhbar, kitab, minit mesyuarat dan laporan bertulis. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti bahasa dan budaya yang digunakan dalam lirik lagu-lagu P. Ramlee serta perbezaan budaya yang terdapat dalam terjemahannya iaitu antara budaya Melayu dengan budaya Inggeris. Sehubungan dengan itu, sampel yang dipilih dalam kajian ini ialah lagu-lagu yang dihasilkan oleh Allahyarham Tan Sri P. Ramlee iaitu lagu Aci-aci Buka Pintu, Mencece dan Bunyi Gitar. Dalam pada itu, lagu-lagu ini dipilih Tan Sri P. Ramlee merupakan seniman agung negara yang dikenali sepanjang zaman. Selain itu, tiga buah lagu ini dipilih kerana terdapat terjemahannya ke dalam bahasa Inggeris, di samping liriknya yang indah dan mempunyai beberapa perbezaan daripada segi terjemahannya. Ketiga-tiga buah lagu tersebut telah diperoleh menerusi laman sesawang *Youtube*:

1. Aci-aci Buka Pintu
2. Mencece
3. Bunyi Gitar

Data yang dikumpul akan dianalisis secara teliti bagi mengenal pasti kesalahan daripada segi terjemahan dan aspek budaya yang terdapat dalam terjemahan teks sumber iaitu lirik asal dalam bahasa Melayu dan diikuti dengan teks sasaran iaitu terjemahan lirik dalam bahasa Inggeris. Kesalahan

terjemahan terhadap teks sumber dan aspek-aspek budaya yang telah dikesan akan dikeluarkan bagi memudahkan proses perbandingan untuk mengenal pasti perbezaan budaya antara teks sumber dengan

teks sasaran. Setiap data yang diambil akan dimasukkan dalam jadual bagi melihat kesalahan terjemahan dan perbezaan budaya dengan lebih jelas. Lihat contoh jadual analisis di bawah:

Contoh Jadual Analisis

| Bil. | Teks Sumber/lirik asal (Bahasa Melayu) | Teks Sasaran/lirik terjemahan (Bahasa Inggeris) |
|------|---|--|
|------|---|--|

Lagu Aci-aci Buka Pintu

| Bil. | Teks Sumber/lirik asal (Bahasa Melayu) | Teks Sasaran/lirik terjemahan (Bahasa Inggeris) |
|------|---|--|
|------|---|--|

Lagu Mencece

| Bil. | Teks Sumber/lirik asal (Bahasa Melayu) | Teks Sasaran/lirik terjemahan (Bahasa Inggeris) |
|------|---|--|
|------|---|--|

Lagu Bunyi Gitar

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Budaya merupakan lambang atau identiti sesuatu masyarakat yang mempunyai kaitan yang akrab dengan bahasa sesuatu bangsa. Bahasa pula merupakan asas kepada lambang etnik dan medium penghubung kepada kepercayaan, adat, ritual dan tingkah laku yang terdapat dalam identiti sesuatu budaya. Selain itu, budaya juga merupakan penjelmaan fikiran manusia dan bertindak sebagai penyebab kepada segala tindakan manusia. Hal ini berbeza dengan bahasa iaitu berkaitan dengan jati diri seseorang dan sikap kebersamaan dalam kalangan budaya tertentu. Oleh hal yang demikian, setiap bahasa yang digunakan akan memberi gambaran terhadap budaya sesuatu masyarakat. Oleh itu, bahasa juga merupakan petunjuk kepada kebudayaan masyarakat dan mencerminkan kebudayaan masyarakat penuturnya daripada segi cara hidup, persekitaran fizikal dan sosial. Toury (1978) menyatakan bahawa terjemahan merupakan aktiviti yang melibatkan sekurang-kurangnya dua bahasa dan dua tradisi budaya. Bahasa dan budaya merupakan perkara yang penting dalam penterjemahan sesuatu teks. Setiap teks daripada bahasa sumber yang diterjemahkan akan mengambil kira tentang bahasa dan budaya masyarakat

sasaran. Hal ini demikian kerana, penterjemahan yang dilakukan ke dalam bahasa sasaran akan melambangkan atau menggambarkan budaya masyarakat yang menuturkan bahasa tersebut. Oleh hal yang demikian, seseorang penterjemah haruslah menguasai bahasa sumber dan bahasa sasaran terlebih dahulu di samping menguasai dan mahir dalam kedua-dua budaya tersebut. Perkara ini bertepatan dengan pendapat yang dikemukakan oleh Norizah Ardi (2008) iaitu untuk menjadi seorang penterjemah yang mahir, sudah menjadi satu keperluan kepada mereka untuk memahami budaya bahasa sumber dan bahasa sasaran. Oleh itu, pengkaji perlu mengenal pasti kesalahan dalam terjemahan lagu-lagu P. Ramlee iaitu Aci-aci Buka Pintu, Mencece dan Bunyi Gitar. Berdasarkan pengenalpastian itu, pengkaji akan membincangkan tentang perbezaan budaya yang terdapat dalam terjemahan lagu-lagu tersebut.

MENGENAL PASTI KESALAHAN DALAM TERJEMAHAN

Pengkaji telah mengenal pasti beberapa kesalahan dalam terjemahan lagu-lagu P. Ramlee yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Pengkaji

telah membahagikan data tersebut dalam bentuk jadual supaya lebih mudah untuk melihat kesalahan yang dikesan dalam terjemahan lirik-lirik lagu tersebut. Jadual-jadual tersebut merupakan jadual

yang mengandungi data-data yang telah dikenal pasti berdasarkan tiga buah lirik lagu P. Ramlee iaitu Aci-aci Buka Pintu, Mencece dan Bunyi Gitar.

| Bil. | Teks Sumber/lirik asal (Bahasa Melayu) | Teks Sasaran/lirik terjemahan (Bahasa Inggeris) |
|------|---|--|
| 1 | <i>Aci Aci</i> buka pintu | <i>Darling, oh darling</i> , open the door |
| 2 | Nana bawa <i>tongkat semambu</i> | I've brought a <i>walking stick</i> |
| 3 | <i>Nana nana</i> lekas pulang | <i>Oh dear</i> , please return early |
| 4 | Belakang rumah ada <i>jembalang</i> | There is a <i>ghost</i> behind the house |
| 5 | Mata sepet <i>hidungnya belang</i> | With almond eyes and <i>long nose</i> |
| 6 | Nana ada hai <i>parang kontot</i> | I have a blunt <i>blade</i> |

Lagu Aci-aci Buka Pintu

| Bil. | Teks Sumber/lirik asal (Bahasa Melayu) | Teks Sasaran/lirik terjemahan (Bahasa Inggeris) |
|------|---|--|
| 1 | Masuk angin keluar asap | Doing nothing useful |
| 2 | Sana sini hai <i>bikin sibuk</i> | Here and there, <i>minding people's business</i> |
| 3 | Tak ada kerja <i>tolak habuk</i> | With no work, <i>doing nothing</i> |

Lagu Mencece

| Bil. | Teks Sumber/lirik asal (Bahasa Melayu) | Teks Sasaran/lirik terjemahan (Bahasa Inggeris) |
|------|---|--|
| 1 | Tidak sabar si <i>gadis manis</i> | The <i>youngsters</i> become impatient |
| 2 | Atau kah si <i>hitam manis</i> | The <i>young, beautiful and sweet</i> |

Lagu Bunyi Gitar

PERBEZAAN BUDAYA DALAM TERJEMAHAN

Tylor (1871) menyatakan bahawa budaya adalah sesuatu yang kompleks dan menyeluruh yang merangkumi aspek pengetahuan, kepercayaan, seni, undang-undang, moral, adat dan sifat seseorang dalam komuniti sosial. Sebilangan pengkaji pula melihat budaya sebagai penghargaan kepada hasil sastra yang baik, muzik, seni dan makanan. Oleh hal yang demikian, perbezaan budaya secara umumnya merupakan kelainan yang terdapat dalam cara hidup dan pemikiran serta tingkah laku sesuatu masyarakat. Hal ini disokong oleh pendapat Newmark (1988) iaitu budaya sebagai cara hidup, amalan dan tradisi sesuatu bangsa dan masyarakat. Berdasarkan penterjemahan yang dilakukan terhadap lagu-lagu P. Ramlee ini, pengkaji berjaya mengenal pasti beberapa kesalahan dalam terjemahan lirik tersebut. Hal ini disebabkan oleh perbezaan budaya yang terdapat dalam kedua-dua masyarakat sehingga menimbulkan ketidakselarasan terhadap makna terjemahan. Oleh itu, pengkaji akan

membincangkan dengan lebih lanjut mengenai perbezaan budaya yang terdapat dalam terjemahan lagu-lagu tersebut.

HUBUNGAN SOSIAL

Norizah Ardi (2008) menyatakan bahawa antara kekangan yang dihadapi oleh penterjemah semasa menterjemahkan budaya ialah hubungan sosial. Perhubungan sosial merupakan salah satu elemen budaya. Namun begitu, dalam beberapa budaya, terdapat masyarakat yang hidup dalam sebuah keluarga yang sangat besar yang mempunyai gelaran yang berbeza. Misalnya, dalam masyarakat Melayu terdapat pelbagai gelaran yang berbeza mengikut umur, hierarki atau pangkat dalam kalangan ahli keluarga seperti gelaran Pak Long, Pak Ngah, Pak Lang, Pak Tam, Pak Teh, Pak Cik dan Pak Su. Gelaran-gelaran ini merujuk kepada panggilan terhadap bapa saudara mengikut peringkat umur atau pangkat masing-masing. Perkara ini memberi kesukaran kepada para penterjemah untuk menyesuaikan makna dalam

bahasa sasaran. Sebagai contoh bahasa Inggeris yang jelas menunjukkan bahawa sistem panggilan ini tidak wujud dalam budaya mereka. Oleh itu, masyarakat barat menggunakan sistem panggilan yang hampir sama dengan makna bagi gelaran-

gelaran tersebut iaitu *uncle*. Lihat contoh dalam jadual tersebut bagi melihat perbezaan budaya yang berlaku dalam terjemahan lagu Aci-aci Buka Pintu daripada segi hubungan sosial:

| Bil. | Teks Sumber/lirik asal (Bahasa Melayu) | Teks Sasaran/lirik terjemahan (Bahasa Inggeris) |
|------|---|--|
| 1 | <i>Aci Aci</i> buka pintu | <i>Darling, oh darling</i> , open the door |

Lagu Aci-aci Buka Pintu

Jadual tersebut menunjukkan bahawa terdapat kesalahan dalam terjemahan lagu Aci-aci Buka Pintu pada perkataan yang dicondongkan iaitu *Aci-aci* yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris sebagai *Darling, oh darling*. Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), perkataan *aci* merupakan perkataan Tamil yang membawa maksud kakak atau panggilan terhadap perempuan India yang lebih tua. Menurut Kamus Dwibahasa Oxford Fajar Edisi Kelima (2011), perkataan *darling* pula membawa maksud buah hati atau kesayangan. Kedua-dua perkataan ini jelas menunjukkan maksud yang berbeza daripada segi penggunaannya dalam masyarakat.

Dalam budaya masyarakat Melayu, panggilan kakak ini merupakan satu gelaran untuk menghormati orang yang lebih tua sama ada mereka mempunyai hubungan kekeluargaan atau tidak. Hal ini memberi gambaran bahawa masyarakat Melayu memiliki nilai kebudayaan Melayu yang tinggi dan sesuai dengan masyarakatnya yang terkenal dengan adat serta bersopan santun. Keadaan ini juga sama dengan budaya barat kerana mereka juga mempunyai sistem panggilan yang tepat terhadap gelaran kakak iaitu *sister* atau *sis*. Namun begitu, pengkaji beranggapan bahawa dalam keadaan ini penterjemah mungkin hendak menunjukkan kemesraan antara adik beradik atau golongan masyarakat sama ada lelaki ataupun wanita. Jadi, penterjemah cenderung untuk

menggunakan perkataan *darling* dalam terjemahan beliau bagi mewujudkan suasana yang mesra dalam perhubungan berdasarkan budaya barat yang agak bebas daripada segi pergaulan mereka.

Perkara ini pula bertentangan dengan budaya masyarakat Melayu. Hal ini demikian kerana, Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa masyarakat Melayu merupakan individu yang beragama Islam, menuturkan bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat Melayu. Hal ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat Melayu mempunyai batas-batas tertentu yang perlu dijaga bagi memelihara budaya Melayu. Dalam hal ini, perkataan *darling* bagi masyarakat Melayu hanya sesuai dipanggil kepada individu yang mempunyai hubungan yang halal iaitu isteri. Walaupun perkataan *darling* itu membawa makna yang baik, namun bagi budaya Melayu ia boleh dikategorikan sebagai gangguan seksual terhadap golongan perempuan yang tidak selesa dengan gelaran tersebut, apatah lagi bagi mereka yang tidak mengenali antara satu sama lain.

Perkara yang sama berulang lagi dalam terjemahan lirik lagu Aci-aci Buka Pintu dan kali ini pada lirik “*Nana nana lekas pulang*”. Rujuk jadual di bawah untuk melihat perbezaan budaya yang berlaku dalam terjemahan lagu tersebut antara budaya Melayu dengan budaya barat:

| Bil. | Teks Sumber/lirik asal (Bahasa Melayu) | Teks Sasaran/lirik terjemahan (Bahasa Inggeris) |
|------|---|--|
| 1 | <i>Nana nana lekas pulang</i> | <i>Oh dear</i> ; please return early |

Lagu Aci-aci Buka Pintu

Berdasarkan jadual di atas, penterjemah juga menggunakan perkataan *oh dear* pada ayat “*Oh dear; please return early*” semasa menterjemahkan lirik lagu tersebut daripada bahasa Melayu iaitu “*Nana*

nana lekas pulang”. Dalam terjemahan perkataan *Nana* ke dalam bahasa sasaran iaitu bahasa Inggeris, penterjemah telah menggunakan unsur *exclamation* atau kata seru iaitu *Oh. Exclamation* atau kata seru

ini digunakan dalam budaya masyarakat barat untuk menunjukkan reaksi seseorang seperti terkejut, risau, kacau-bilau atau marah (Oxford *Advanced Learner's Dictionary* Edisi Kelapan 2010). Oleh hal yang demikian, penggunaan seruan *Oh* dalam terjemahan tersebut untuk menggambarkan perasaan risau, takut atau menarik perhatian berdasarkan lirik lagu Aci-aci Buka Pintu. Keadaan ini berbeza sekali dengan budaya masyarakat Melayu kerana penggunaan kata seru *Oh* adalah untuk menunjukkan reaksi terkejut atau meluahkan rasa kecewa.

Selain itu, perkataan *Nana* atau *abang* juga telah diterjemahkan sebagai *dear* dalam bahasa sasaran sehingga menimbulkan makna yang berlainan dengan makna asal. Perkataan *dear* bermaksud sesuatu yang disayangi, dihargai atau mahal bagi masyarakat barat. Di samping itu, penggunaan perkataan *dear* dalam budaya masyarakat barat juga merujuk kepada seruan kekesalan atau terperanjat. Lihat terjemahan lirik lagu di bawah bagi mengetahui makna yang hendak disampaikan:

*Oh dear, please return early
I'm scared of being alone
There is a ghost behind the house
With almond eyes and long nose*

Lirik tersebut menggambarkan satu perasaan takut yang jelas pada baris kedua dalam rangkap lirik lagu di atas. Oleh hal yang demikian, penterjemah menggunakan perkataan *Oh dear* yang diterjemahkan daripada perkataan *Nana* bagi menyatakan perasaan takut atau menarik perhatian individu yang ditujukannya. Hal ini berbeza dengan budaya masyarakat Melayu kerana perkataan *dear* membawa makna yang berlainan iaitu orang yang disayangi atau dihargai. Oleh itu, masyarakat Melayu tidak menggunakan perkataan tersebut bagi menyatakan perasaan takut atau menarik perhatian sesiapa sahaja kerana perkataan *dear* mungkin akan disalah tafsir oleh masyarakat.

Hubungan sosial juga terdiri daripada masyarakat setempat yang tidak mempunyai hubungan kekeluargaan. Hubungan sosial boleh juga terdiri daripada jiran-jiran, sahabat-sahabat dan masyarakat sekeliling tidak kira sama ada lelaki atau wanita. Dalam lagu Bunyi gitar juga terdapat kesalahan dalam terjemahan lirik lagu tersebut yang berkaitan dengan hubungan sosial. Jadual di bawah menunjukkan bahawa kesalahan yang berlaku dalam terjemahan lirik lagu Bunyi Gitar daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris:

| Bil. | Teks Sumber/lirik asal (Bahasa Melayu) | Teks Sasaran/lirik terjemahan (Bahasa Inggeris) |
|------|---|--|
| 1 | Tidak sabar si <i>gadis</i> manis | The <i>youngsters</i> become impatient |

Lagu Bunyi Gitar

Jadual di atas menunjukkan bahawa terdapat kesalahan dalam terjemahan lirik lagu tersebut pada perkataan *gadis* yang telah diterjemahkan menjadi *youngsters*. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), perkataan *gadis* membawa makna anak perempuan yang sudah baligh dalam lingkungan umur 18 tahun atau anak dara. Dalam teks atau lirik terjemahan pula, perkataan *youngsters* bermaksud kanak-kanak atau budak yang berumur empat hingga lapan tahun (Oxford *Advanced Learner's Dictionary* Edisi Kelapan 2010). Kedua-dua perkataan ini jelas menunjukkan perbezaan daripada segi maknanya dan secara tidak langsung penggunaannya turut berbeza dalam budaya masing-masing iaitu budaya Melayu dan budaya barat.

Pada pandangan pengkaji, dalam budaya masyarakat Melayu, panggilan *gadis* hanya digunakan terhadap wanita yang muda dan belum berkahwin atau dalam erti kata lain ialah perawan.

Panggilan atau gelaran ini berbeza pula sekiranya wanita yang belum berkahwin itu lebih berusia daripada segi umurnya. Istilah anak dara tua sering digunakan sebagai gelaran dalam budaya Melayu terhadap golongan tersebut. Di samping itu, perempuan yang belum melahirkan anak juga dianggap sebagai *gadis*. Keadaan ini berbeza pula dengan budaya masyarakat barat yang menganggap bahawa wanita yang berumur 18 tahun ke bawah merupakan individu di bawah umur yang masih diawasi oleh ibu bapa. Selain itu, golongan ini juga terbatas daripada segi pergaulan, misalnya mereka tidak boleh bersama dengan teman lelaki sebelum berumur 18 tahun. Oleh sebab golongan ini dianggap seperti anak kecil maka penterjemah cenderung untuk menggunakan perkataan *youngsters* bagi menggambarkan perwatakan *gadis* supaya tidak menimbulkan pandangan negatif dalam masyarakat.

EKOLOGI

Ekologi merupakan kajian tentang hubungan antara organisma hidup dengan persekitarannya (Kamus Dewan Edisi Keempat 2010). Hubungan ini melibatkan hubungan antara tumbuhan, binatang dan manusia dengan persekitaran. Newmark (1998:94), perbezaan budaya berlaku disebabkan faktor-faktor geografi seperti kedudukan sesebuah negara atau tempat, flora dan fauna serta bentuk muka bumi dan iklim yang berbeza. Sebagai contoh, kebanyakan

negara mempunyai istilahnya tersendiri bagi menggambarkan bentuk muka bumi atau dataran seperti *tundras*. *Tundras* merupakan perkataan bahasa Inggeris yang merujuk dataran yang tidak berpokok di kawasan Artik. Perkataan *tundras* ini sukar untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu kerana tidak mempunyai kosa kata yang sesuai untuk menggambarkan makna perkataan tersebut. Keadaan yang sama turut berlaku kepada bahasa Inggeris. Oleh itu, lihat jadual tersebut bagi melihat perbezaan budaya antara budaya Melayu dengan budaya barat:

| Bil. | Teks Sumber/lirik asal (Bahasa Melayu) | Teks Sasaran/lirik terjemahan (Bahasa Inggeris) |
|------|---|--|
| 1 | Nana bawa <i>tongkat semambu</i> | I've brought a <i>walking stick</i> |

Lagu *Aci-aci Buka Pintu*

Berdasarkan jadual di atas, pengkaji telah mengenal pasti kesalahan pada terjemahan perkataan *tongkat semambu* yang diterjemahkan menjadi *walking stick* dalam bahasa sasaran. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), perkataan tongkat bermaksud sekerat kayu atau rotan yang dipegang ketika berjalan untuk menyokong keseimbangan badan, manakala *semambu* pula membawa makna sejenis rotan yang besar yang biasanya dibuat tongkat. Berdasarkan Oxford Advanced Learner's Dictionary (2010), perkataan *walking* berasal daripada kata dasar *walk* yang bermaksud bergerak atau pergi ke suatu tempat menggunakan kaki secara berjalan, manakala *stick* pula bermakna kayu, ranting atau cabang kayu yang patah atau dipotong daripada sebatang pohon kayu.

Masyarakat Melayu menganggap bahawa *tongkat semambu* ialah sejenis tongkat yang diperbuat daripada rotan semambu atau nama saintifiknya ialah *Calamus scipionum Lour.* Rotan semambu ini termasuk dalam kategori rotan besar yang tumbuh secara merumpun dengan diameter batangnya lebih kurang 30mm. Pada batang rotan semambu ini mempunyai ruas yang panjang bagi setiap ruas tersebut ialah 20cm hingga 30cm dan batang ini juga dibuat sebagai tongkat yang dikenali sebagai tongkat semambu. Masyarakat Melayu menamakan tongkat ini sebagai tongkat semambu kerana terdapat pelbagai jenis tongkat yang dihasilkan dengan menggunakan jenis rotan yang berbeza, antaranya ialah rotan manau dan royan rias. Selain itu, tongkat juga dihasilkan dengan menggunakan kayu seperti kayu penawar hitam, kayu cendana, raja kayu, kayu

raja, kayu remang atau kayu kijang dan kayu siang malam. Oleh itu, untuk membezakan jenis tongkat ini, masyarakat Melayu meletakkan nama tongkat tersebut bersempena dengan bahan yang digunakan, maka timbullah perkataan tongkat semambu. Hal ini disokong oleh pernyataan Newmark (1998:94), perbezaan budaya berlaku disebabkan faktor-faktor geografi yang salah satunya ialah flora dan fauna.

Perkara ini berbeza pula dengan budaya barat kerana mereka menamakan tongkat sebagai *walking stick* iaitu kayu untuk berjalan. Hal ini demikian kerana mereka tidak mempunyai kosa kata yang tepat bagi menggambarkan makna daripada teks sumber iaitu *tongkat semambu*. Budaya barat tidak membezakan jenis-jenis tongkat yang digunakan, namun mereka menggunakan perkataan *stick* yang merujuk kepada kayu dan meletakkan perkataan *walking* sebelum perkataan *stick* bagi menggambarkan kegunaan kayu tersebut. Gabungan dua perkataan ini iaitu *walking stick* memberi makna tongkat dalam masyarakat barat. Keadaan yang sama juga digunakan bagi menggambarkan kegunaan terhadap *stick* atau kayu. Misalnya, kayu hoki dikenali sebagai *hockey stick*, penyepit makanan dikenali sebagai *chopstick* dan *lipstick* iaitu gincu. Contoh-contoh ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat barat menggunakan perkataan *stick* bagi merujuk kepada banyak benda tetapi mereka menambah sesuatu perkataan lain sebelum perkataan *stick* bagi menggambarkan kegunaannya. Oleh itu, budaya barat dan budaya Melayu mempunyai perbezaan yang ketara daripada segi ekologi berdasarkan lirik lagu *Aci-aci Buka Pintu*.

PERIBAHASA DAN KIASAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), peribahasa merupakan ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu seperti bidalan dan pepatah, manakala kiasan pula bermaksud pertimbangan (perhitungan) mengenai sesuatu perkara dengan perbandingan (persamaan) perkara yang lain. Kiasan juga mempunyai maksud yang berbeza daripada maksud yang nyata atau maksud tersurat perkataan-perkataan itu (Norizah Ardi 2008). Dalam bahasa Melayu, terdapat pelbagai peribahasa dan kiasan yang digunakan bagi menggambarkan sesuatu perkara yang mempunyai makna yang

berbeza seperti ibu ayam, cakar ayam dan kaki ayam. Misalnya jika diterjemahkan frasa ibu ayam ke dalam bahasa Inggeris, maka ia akan menjadi *mother hen* yang membawa kepada makna yang berlainan iaitu ibu kepada anak ayam. Hal ini menyebabkan penterjemah sukar untuk menterjemah peribahasa dan kiasan tersebut. Oleh itu, penterjemah menggunakan perkataan-perkataan yang sesuai bagi menggambarkan peribahasa dan kiasan daripada teks sumber supaya maknanya tidak berubah daripada makna asal. Rujuk jadual di bawah untuk melihat perbezaan budaya antara budaya Melayu dengan budaya barat dalam lirik lagu Aci-aci Buka Pintu:

| Bil. | Teks Sumber/lirik asal (Bahasa Melayu) | Teks Sasaran/lirik terjemahan (Bahasa Inggeris) |
|------|---|--|
| 1 | Mata sepet <i>hidungnya belang</i> | With almond eyes and <i>long nose</i> |

Lagu Aci-aci Buka Pintu

Jadual tersebut menunjukkan bahawa terdapat kesalahan dalam terjemahan bagi frasa *hidungnya belang* yang diterjemahkan menjadi *long nose* dalam bahasa sasaran. Frasa *hidung belang* merupakan simpulan bahasa dalam bahasa Melayu. Simpulan bahasa merupakan bentuk peribahasa yang paling ringkas dan kebiasaannya terbentuk daripada dua perkataan dan mempunyai maksud yang mendalam serta berlainan maknanya daripada perkataan yang diujarkan. Menurut Za'ba (1965), simpulan bahasa terhasil daripada empat perkara iaitu perbandingan atau kiasan dengan cerita yang masyhur seperti Abu Jahal, Lebai Malang dan Mat Jenin. Perkara yang kedua ialah benda atau kejadian yang berlaku di sekelilingnya seperti kutu embun, mata duitan dan mandi kerbau, manakala perkara yang ketiga ialah kepercayaan orang ramai seperti harimau berantai, dimakan bulan dan buruk siku. Perkara yang terakhir merupakan kebiasaan atau resam bahasa seperti ada hati, beri muka dan gila bahasa.

Berdasarkan keratan lirik lagu dalam jadual tersebut iaitu lagu Aci-aci Buka Pintu, simpulan bahasa yang terdapat dalam lagu tersebut ialah *hidungnya belang* merujuk kepada seorang lelaki yang berkelakuan tidak bermoral seperti suka berfoya-foya dan suka menggoda wanita-wanita muda sebelum meninggalkan wanita tersebut. Selain itu, simpulan bahasa *hidungnya belang* juga membawa maksud seorang yang suka menipu. Kata

ganti nama -nya digunakan dalam frasa tersebut sebagai kata penekan yang berfungsi sebagai penegas kepada kata yang bergabung dengannya. Simpulan bahasa *hidung belang* ini merupakan sikap yang tidak bermoral dalam masyarakat terutamanya golongan lelaki yang telah mempunyai isteri, namun masih cuba menggoda wanita lain. Dalam erti kata lain ialah seorang yang suka menipu untuk kepentingan dirinya sendiri.

Keadaan ini berbeza dengan budaya masyarakat barat, walaupun mereka juga mempunyai peribahasa dan kiasan yang dikenali sebagai *saying* dan *idiom*. Namun begitu, jika diterjemah frasa *hidungnya belang* ke dalam bahasa Inggeris akan menjadi *stripe nose*. Frasa tersebut tidak sesuai digunakan kerana tidak menggambarkan makna simpulan bahasa *hidungnya belang*. Oleh hal yang demikian, penterjemah mencari perkataan yang sesuai bagi menggambarkan makna simpulan bahasa tersebut. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah mengaitkan cerita dongeng barat iaitu *Pinocchio* dalam terjemahannya bagi menggambarkan makna simpulan bahasa *hidungnya belang*. Hal ini demikian kerana cerita dongeng tersebut mengisahkan tentang kayu yang bertukar menjadi seorang kanak-kanak lelaki dan apabila dia bercakap bohong maka hidungnya akan menjadi panjang. Penterjemah mengambil teladan daripada kisah dongeng tersebut lalu menterjemahkan simpulan bahasa *hidungnya*

belang kepada *long nose* yang disesuaikan melalui maknanya iaitu sikap yang suka menipu demi kepentingannya sendiri berdasarkan cerita *Pinocchio*. Hal ini disokong oleh Za'ba (1965) yang menyatakan bahawa simpulan bahasa terhasil daripada empat perkara dan salah satunya ialah perbandingan atau kiasan dengan cerita yang masyhur.

Menurut Za'ba (1965) lagi, simpulan bahasa juga terbentuk daripada benda atau kejadian yang berlaku di sekelilingnya. Hal ini dapat dilihat melalui lirik lagu Mencece pada jadual di bawah berserta dengan terjemahannya dalam bahasa Inggeris:

| Bil. | Teks Sumber/lirik asal (Bahasa Melayu) | Teks Sasaran/lirik terjemahan (Bahasa Inggeris) |
|------|---|--|
| 1 | Masuk angin keluar asap | Doing nothing useful |

Lagu Mencece

Jadual tersebut menunjukkan bahawa penggunaan simpulan bahasa dalam lirik lagu Mencece iaitu *masuk angin keluar asap* yang bermaksud melakukan sesuatu yang sia-sia atau tidak mencapai sesuatu yang dikehendaki. Dalam budaya Melayu, simpulan bahasa ini sering digunakan dalam kehidupan untuk menyatakan perkara yang gagal dilakukan dalam bentuk yang bersahaja atau bergurau. Misalnya dalam perbualan antara individu A dengan individu B, individu A bertanya kepada individu B “Apakah keputusan ujian memandu sebentar tadi?” dan individu B menjawab “Masuk angin keluar asap”. Jawapan yang diberikan oleh individu B jelas menunjukkan bahawa dia ingin menyatakan perasaannya dalam keadaan bersahaja.

Berdasarkan lagu Mencece, simpulan bahasa *masuk angin keluar asap* menggambarkan bahawa seseorang yang melakukan perkara-perkara yang sia-sia. Simpulan bahasa tersebut telah diterjemahkan oleh penterjemah ke dalam bahasa sasaran iaitu bahasa Inggeris menjadi *doing nothing useful*. Hal ini jelas menunjukkan bahawa terjemahan yang dilakukan adalah berbeza terhadap setiap perkataan dalam teks asal. Sekiranya penterjemah menterjemahkan setiap perkataan daripada teks asal, maka hasil terjemahan sepatutnya menjadi *wind enters smoke exits*. Namun begitu, penterjemah tidak menggunakan hasil terjemahan tersebut kerana ia tidak mempunyai makna yang tepat dalam bahasa sasaran dan berbeza dengan makna teks asal.

Pada pendapat pengkaji, kesukaran yang dihadapi oleh penterjemah ialah perbezaan antara budaya Melayu dengan budaya barat daripada segi ungkapan simpulan bahasa walaupun ia terdapat dalam budaya masing-masing. Hal ini demikian kerana dalam budaya barat, tiada ungkapan simpulan bahasa yang sesuai bagi menggantikan simpulan bahasa dalam teks terjemahan iaitu *masuk angin*

keluar asap. Oleh hal yang demikian, penterjemah cenderung untuk menterjemahkan simpulan bahasa tersebut daripada segi maknanya iaitu melakukan sesuatu yang sia-sia atau dalam bahasa sasarannya *doing nothing useful*. Hal ini disokong oleh konsep padanan atau persamaan makna yang telah diperkenalkan oleh Nida (1994) melalui konsep terjemahan dinamis. Beliau menyatakan bahawa terjemahan itu melibatkan dua bahasa yang berbeza, maka penterjemah perlu memberi perhatian terhadap aspek padanan dan persamaan makna kerana makna sesuatu kosa kata atau leksikal itu mungkin berbeza apabila digunakan dalam konteks situasi yang berbeza.

WARNA

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), warna merupakan kesan yang didapati oleh mata daripada cahaya yang dipantulkan oleh benda-benda dengan gelombang yang berbeza-beza yang dilihatnya. Warna boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu warna asas, warna sekunder dan warna tertier. Warna asas terdiri daripada warna merah, biru dan kuning. Warna sekunder pula terdiri daripada warna jingga, hijau dan ungu, manakala warna tertier terdiri daripada kuning hijau, kuning jingga, merah jingga, merah ungu, biru ungu dan biru hijau. Warna-warna ini mempunyai makna yang tertentu sekiranya diungkap berdasarkan budaya dalam sesuatu masyarakat bahasa. Oleh hal yang demikian, proses penterjemahan menjadi sangat rumit sekiranya seseorang penterjemah itu tidak menguasai budaya bahasa sumber dan bahasa sasaran. Jadual di tersebut menunjukkan bahawa warna mempengaruhi perbezaan budaya dalam terjemahan lagu Bunyi Gitar.

| Bil. | Teks Sumber/lirik asal (Bahasa Melayu) | Teks Sasaran/lirik terjemahan (Bahasa Inggeris) |
|------|---|--|
| 1 | Atau kah <i>Si hitam manis</i> | <i>The young, beautiful and sweet</i> |

Lagu Bunyi Gitar

Jadual tersebut menunjukkan kesalahan yang ketara dalam terjemahan lagu Bunyi Gitar pada frasa *Si hitam manis*. Frasa tersebut telah diterjemahkan kepada bahasa sasaran iaitu bahasa Inggeris menjadi *The young, beautiful and sweet*. Berdasarkan lirik lagu Bunyi Gitar, *Si hitam manis* merujuk kepada seorang perempuan yang mempunyai kulit berwarna hitam kemerah-merahan. Lirik terjemahan daripada bahasa sumber iaitu *The young, beautiful and sweet* pula merujuk kepada seorang perempuan yang muda, cantik dan manis. Dalam budaya Melayu, terdapat pelbagai jenis warna yang mempunyai gambaran yang berbeza. Misalnya warna hitam dibezakan pula dengan hitam berkilat, hitam manggis, hitam mata, hitam pekat dan lain-lain. Masyarakat Melayu menggunakan frasa *hitam manis* terhadap warna kulit yang kelihatan kemerah-merahan dan budaya Melayu bukan sahaja menerima gelaran ini dengan hati yang terbuka, malah warna kulit yang *hitam manis* digemari oleh kebanyakan orang.

Budaya ini berbeza sekali dengan budaya barat kerana mereka menganggap warna memainkan peranan yang penting dalam kebudayaan mereka. Sekiranya frasa *Si hitam manis* diterjemah berdasarkan setiap perkataan, maka hasil terjemahan tersebut akan menjadi *The sweet black*. Terjemahan ini tidak digunakan oleh penterjemah walaupun daripada segi maknanya sama seperti teks sumber. Oleh hal yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa perkataan *black* mempunyai kaitan dengan kematian. Perkara ini disokong oleh Evelyn Lim Lay Lin (2001) yang menyatakan bahawa pandangan suatu budaya terhadap warna penting diketahui oleh penterjemah, terutamanya yang berkaitan dengan perkara negatif seperti kematian. Hal ini demikian kerana, warna hitam sinonim dengan peristiwa kematian dalam budaya masyarakat barat. Mereka menganggap bahawa warna hitam sebagai warna perkabungan. Keadaan ini dapat dilihat melalui filem-filem barat apabila berlaku sesuatu kematian, mereka akan memakai pakaian yang berwarna hitam bagi menggambarkan suasana kematian tersebut. Di samping itu, pengkaji juga berpandangan bahawa warna hitam ini merupakan warna yang tidak memberikan tuah kerana sering dikaitkan dengan peristiwa sedih.

Selain itu, pengkaji juga berpandangan bahawa warna hitam juga boleh menimbulkan isu-isu yang menyebabkan berlakunya perpecahan kaum dalam masyarakat barat. Hal ini dapat dibuktikan dengan Dasar Aparteid yang telah diperkenalkan oleh Hendrik Frensch Verwoerd iaitu perdana menteri Afrika Selatan ke-7. Dasar Aparteid merupakan dasar yang membezakan warna kulit antara kulit putih dengan kulit hitam dan dasar ini juga merupakan diskriminasi terhadap orang berkulit hitam. Kaum kulit hitam dianggap lebih rendah tarafnya dan diberi layanan kelas kedua terhadap politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan kebudayaan. Walaupun Dasar Aparteid ini telah dimansuhkan oleh Nelson Mandela pada tahun 1994 semasa beliau menjadi presiden kulit hitam yang pertama di Afrika Selatan, namun kesan dasar tersebut masih berterusan sehingga sekarang daripada segi jurang pendapatan yang berbeza di antara kaum kulit putih dengan kaum kulit hitam.

Oleh hal yang demikian, penterjemah tidak menggunakan perkataan *black* dalam bahasa sasaran kerana beliau kluatir perkara ini akan menimbulkan isu-isu yang sensitif terutamanya melibatkan isu-isu perkauman. Hal ini demikian kerana, berdasarkan lirik lagu tersebut, jelas menunjukkan bahawa perkataan *black* merujuk kepada manusia daripada segi warna kulitnya. Walaupun budaya Melayu menerima frasa *hitam manis* sebagai suatu yang menarik dan cantik, tetapi budaya barat menganggap *sweet black* sebagai isu perkauman melalui perkataan *black* kerana mereka mempunyai pengalaman tentang perbezaan antara orang kulit putih dengan kulit hitam sehingga menyebabkan berlakunya persengketaan antara kedua-dua kaum. Hal ini disokong oleh Evelyn (2001) yang mengatakan nama warna dalam sesuatu bahasa memperlihatkan hubungan manusia dengan alam sekeliling. Menurut beliau lagi, nama warna dan pengertiannya berbeza-beza mengikut pandangan dan pengalaman sesebuah masyarakat.

UNGKAPAN LISAN

Ungkapan bermaksud susunan kata yang digunakan dalam percakapan, frasa atau rangkai kata yang tertentu susunan katanya. Ungkapan juga merupakan gabungan (kelompok) kata yang khusus untuk menyatakan sesuatu maksud seperti simpulan bahasa (Kamus Dewan Edisi Keempat 2010). Lisan pula merujuk kepada sesuatu yang diucapkan dengan mulut. Secara umumnya, ungkapan

lisan ialah susunan kata dalam pertuturan yang disampaikan melalui alat artikulasi manusia iaitu mulut bagi menyatakan maksud tertentu. Perbezaan budaya juga wujud melalui ungkapan lisan antara budaya Melayu dengan budaya barat. Jadual tersebut memaparkan lirik asal dan lirik terjemahan yang mempunyai perbezaan terjemahan daripada segi ungkapan lisan antara budaya Melayu dengan budaya barat:

| Bil. | Teks Sumber/lirik asal (Bahasa Melayu) | Teks Sasaran/lirik terjemahan (Bahasa Inggeris) |
|------|---|--|
| 1 | Tak ada kerja <i>tolak habuk</i> | With no work, <i>doing nothing</i> |

Lagu Mencece

Jadual tersebut juga memperlihatkan tentang perbezaan budaya dalam terjemahan yang melibatkan ungkapan lisan masyarakat Melayu yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Ungkapan lisan *tolak habuk* membawa makna tidak melakukan apa-apa pekerjaan. Ungkapan ini telah diterjemahkan dalam bahasa sasaran menjadi *doing nothing* yang bermakna tidak melakukan apa-apa. Hal ini jelas menunjukkan bahawa penterjemah telah menterjemahkan ungkapan lisan *tolak habuk* bukan berdasarkan perkataannya tetapi berdasarkan makna ungkapan lisan tersebut. Jika ungkapan tersebut diterjemahkan mengikut makna setiap perkataan, maka hasil terjemahan tersebut akan menjadi *push dust*.

Keadaan ini akan menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pembaca sasaran jika penterjemah menggunakan ungkapan *push dust* dalam terjemahannya. Hal ini demikian kerana, ungkapan lisan tersebut akan menimbulkan persoalan dalam kalangan pembaca sasaran disebabkan oleh kekaburan makna. Pengkaji berpendapat bahawa ungkapan lisan *push dust* membawa maksud menyapu atau membuang habuk. Di samping itu, ungkapan ini juga mungkin tidak membawa sebarang makna dalam masyarakat barat kerana habuk merupakan benda halus kering seperti serbuk yang terdapat pada permukaan bumi, permukaan objek atau berterbangan ditiup angin. Oleh hal yang demikian, sudah pasti mustahil bagi masyarakat barat untuk menolak habuk kerana sifatnya yang halus. Perkara inilah yang dirisaukan oleh penterjemah kerana ungkapan lisan dalam masyarakat Melayu tidak sama jika diterjemahkan

secara harfiah dan ia mungkin akan membawa maksud yang berlainan daripada teks asal. Oleh itu, penterjemah mengambil langkah terbaik iaitu menterjemahkan ungkapan *tolak habuk* berdasarkan maknanya dan makna tersebut disesuaikan dengan ungkapan lisan dalam masyarakat barat agar makna teks asal dapat difahami oleh mereka.

KEPERCAYAAN MASYARAKAT

Kepercayaan dalam konteks ini merupakan keyakinan atau akuan terhadap benarnya sesuatu perkara. Kepercayaan juga merupakan salah satu elemen budaya dalam sesuatu bangsa. Hal ini turut dapat membezakan budaya yang terdapat dalam satu bangsa dengan bangsa yang lain. Setiap masyarakat mempunyai kepercayaan masing-masing, misalnya masyarakat Melayu percaya bahawa mereka ditegah untuk menyebut nama binatang buas atau bercakap besar semasa di dalam hutan. Oleh hal yang demikian, mereka dilarang untuk menyebut nama binatang buas seperti harimau, babi hutan dan lain-lain kerana boleh membawa padah. Namun begitu, terdapat pelbagai lagi kepercayaan masyarakat terhadap sesuatu perkara berdasarkan pemahaman budaya masing-masing. Rujuk jadual tersebut bagi melihat perbezaan budaya yang terdapat dalam terjemahan lirik lagu tersebut:

| Bil. | Teks Sumber/lirik asal (Bahasa Melayu) | Teks Sasaran/lirik terjemahan (Bahasa Inggeris) |
|------|---|--|
| 1 | Belakang rumah ada <i>jembalang</i> | There is a <i>ghost</i> behind the house |

Lagu *Acaci-acaci Buka Pintu*

Jadual tersebut menunjukkan bahawa terdapat perbezaan budaya dalam terjemahan lirik lagu *Acaci-acaci Buka Pintu*. Perbezaan tersebut dikesan melalui perkataan *jembalang* yang diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran iaitu bahasa Inggeris menjadi *ghost*. Perkataan *jembalang* merujuk kepada sejenis hantu yang kadang-kadang merupakan diri sebagai rusa, kerbau dan lain-lain. Dalam erti kata lain, *jembalang* merupakan sejenis hantu yang boleh merupai binatang. Masyarakat Melayu mempercayai tentang kewujudan benda-benda ghaib seperti makhluk halus ini. Dalam budaya masyarakat Melayu yang beragama Islam, mereka mempercayai bahawa kewujudan makhluk halus ini asalnya daripada cahaya iaitu malaikat yang sentiasa taat akan perintah Allah. Namun, terdapat juga makhluk halus yang berasal daripada api seperti jin, iblis, syaitan dan sebagainya.

Tuan Guru Dato' Dr. Harun Din (2011) mengatakan bahawa makhluk halus yang dicipta oleh Allah SWT tidak mempunyai jisim dan biasanya tidak dapat dilihat dengan mata atau dirasa dengan tangan. Menurutnya lagi, makhluk halus ini berasal daripada cahaya dan api yang hidup di alamnya atau alam ghaib. Oleh hal yang demikian, masyarakat Melayu mempercayai bahawa *jembalang* merupakan golongan jin yang wujud untuk menakut-nakutkan manusia di muka bumi. Di samping itu, masyarakat Melayu turut mempercayai tentang kewujudan jenis hantu yang lain seperti pontianak, hantu raya, pelesit, toyol, penanggal dan lain-lain. Semua jenis hantu ini diberikan nama berdasarkan kategori masing-masing. Misalnya, hantu pontianak dikenali sebagai perempuan yang mati semasa sedang hamil.

Perkara ini berbeza dengan budaya barat walaupun mereka juga mempunyai kepercayaan terhadap makhluk-makhluk halus. Masyarakat barat tidak memberi nama yang khusus terhadap hantu-hantu seperti masyarakat Melayu. Kebanyakan nama-nama hantu yang diberikan oleh masyarakat barat berdasarkan nama tempat, cuaca, nama si mati atau sesuatu peristiwa. Dalam budaya barat, nama-nama hantu yang popular ialah *dracula*, *vampire*, *zombie* dan *warewolf*. Semua jenis hantu ini boleh dilihat melalui filem-filem seram barat yang

sering menggunakan watak-watak hantu tersebut. Watak-watak seperti *vampire* dan *warewolf* direka berdasarkan mitos dan legenda. Kepercayaan ini berbeza dengan budaya Melayu yang menamakan jenis hantu berdasarkan pengalaman segelintir masyarakatnya yang pernah melihat kelibat makhluk halus tersebut

Pada pendapat pengkaji, penterjemah menggunakan perkataan *ghost* bagi menerangkan maksud perkataan *jembalang* kerana dalam budaya barat tidak ada jenis hantu yang mampu menggambarkan karakter *jembalang*. Walaupun dalam masyarakat barat mempunyai jenis hantu yang seakan-akan *jembalang* iaitu *warewolf* tetapi penterjemah tidak menggunakan perkataan *warewolf* bagi menggantikan perkataan *jembalang*. Hal ini disebabkan oleh karakter *warewolf* yang merupakan serigala jadian sangat berbeza dengan karakter *jembalang* kerana *warewolf* adalah separuh manusia yang boleh berubah menjadi serigala jadian, sedangkan *jembalang* merupakan makhluk yang bukan dalam kalangan manusia. Hal ini disokong oleh pendapat Lim Lay Lin (2003), penyesuaian makna unsur budaya yang terpenting (yang mungkin menjejaskan maksud terjemahan) ialah penyesuaian yang dibuat daripada segi agama dan kepercayaan. Oleh itu, penterjemah tidak mahu menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pembaca sasaran terutamanya masyarakat barat kerana perkara ini mungkin akan mengubah kepercayaan terhadap budaya mereka.

KEBENDAAN ATAU PERALATAN

Menurut Newmark (1988), kebendaan merupakan keperluan asas bagi sesebuah masyarakat yang terdiri daripada makanan, pakaian, tempat tinggal dan pengangkutan. Setiap masyarakat mempunyai istilah dalam bahasa masing-masing bagi menggambarkan keperluan asas tersebut. Misalnya keperluan asas iaitu makanan, masyarakat Melayu terkenal dengan nasi lemak dan roti canai, manakala masyarakat barat pula terkenal dengan makanan seperti burger, spageti dan *sake* (sejenis arak). Hal ini menunjukkan perbezaan budaya yang ketara

antara masyarakat Melayu dengan masyarakat barat. Di samping itu, bukan sahaja keperluan asas sahaja yang mempunyai perbezaan, tetapi keperluan-keperluan lain juga berbeza mengikut gambaran masyarakat masing-masing. Misalnya

peralatan tajam yang digunakan untuk memotong, mencantas atau menikam adalah berbeza mengikut budaya masyarakat tertentu. Rujuk jadual tersebut bagi melihat perbezaan budaya yang terdapat dalam terjemahan lirik lagu tersebut:

| Bil. | Teks Sumber/lirik asal (Bahasa Melayu) | Teks Sasaran/lirik terjemahan (Bahasa Inggeris) |
|------|---|--|
| 1 | Nana ada hai <i>parang</i> kontot | I have a blunt <i>blade</i> |

Lagu Aci-aci Buka Pintu

Berdasarkan jadual tersebut, pengkaji mengenal pasti kesalahan pada terjemahan lirik lagu Aci-aci Buka Pintu melalui frasa *parang* yang diterjemahkan menjadi *blade* dalam bahasa sasaran iaitu bahasa Inggeris. Masyarakat Melayu mengelaskan peralatan tajam seperti parang, pisau dan keris berdasarkan kegunaannya. Misalnya parang digunakan untuk mencantas atau menebang pokok yang berbatang besar, manakala pisau digunakan untuk memotong atau menghiris bahan-bahan kecil seperti ikan, sayur-sayuran dan lain-lain. Keris pula merupakan salah satu senjata Melayu yang digunakan untuk bertikam semasa bertempur dengan musuh. Peralatan-peralatan ini mempunyai saiz dan jenis yang berlainan mengikut kesesuaian penggunaannya. Hal ini sama juga seperti budaya barat yang mempunyai peralatan tajam yang dikenali sebagai *blade*, *cleaver* dan *machete*.

Pada pendapat pengkaji, frasa *parang* yang telah diterjemahkan oleh penterjemah menjadi *blade* berkaitan dengan penggunaan peralatan tajam tersebut berdasarkan situasi dalam lagu Aci-aci Buka Pintu. Lihat lirik lagu di bawah yang merupakan salah satu rangkap yang terdapat dalam lagu Aci-aci Buka Pintu bagi memahami situasi tersebut:

Aci aci jangan takut
*Nana ada hai **parang** kontot*
Hantu syaitan semua kecut
Nampak parang gerenti cabut

Berdasarkan rangkap lagu tersebut, jelas menunjukkan bahawa situasi tersebut merupakan situasi untuk menghalau hantu dengan menggunakan parang. Dalam erti kata lain situasi tersebut merupakan sebahagian daripada pertempuran untuk menghalau makhluk halus. Masyarakat Melayu sinonim dengan parang apabila hendak menggambarkan situasi tegang atau marah. Keadaan ini juga dapat dilihat melalui filem-filem Melayu

lama yang sering menggunakan parang atau golok sebagai senjata apabila marah kepada sesuatu perkara. Hal ini demikian kerana parang merupakan senjata khas orang Melayu di kampung-kampung pada zaman dahulu. Masyarakat Melayu di Jawa dan Sumatera pula menjadikan parang sebagai salah satu senjata pertempuran.

Perkataan parang tidak mempunyai istilah yang tepat dalam bahasa Inggeris bagi menggambarkan ciri-ciri parang dan kegunaannya. Walaupun terdapat beberapa perkataan dalam bahasa Inggeris yang boleh menggantikan perkataan parang, namun perkataan tersebut mempunyai makna yang lain atau kegunaannya yang berbeza. Misalnya perkataan *cleaver* yang membawa maksud pisau pemotong daging (Kamus Dwibahasa Oxford Fajar Edisi Kelima 2011). Masyarakat barat menggunakan *cleaver* sebagai pisau untuk memotong daging dan bukannya dijadikan sebagai senjata untuk bertempur walaupun ia boleh digunakan dalam situasi terdesak. Kegunaannya juga turut berbeza dengan parang kerana parang tidak digunakan untuk memotong daging. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa perkataan *cleaver* tidak dapat menggambarkan ciri-ciri dan kegunaan parang.

Selain itu, perkataan parang juga boleh digantikan dengan perkataan bahasa Inggeris iaitu *machete* yang bermaksud sejenis pisau yang lebar dan berat (Kamus Dwibahasa Oxford Fajar edisi kelima 2011). Pada pandangan pengkaji, perkataan *machete* ini lebih sesuai digunakan berbanding perkataan *cleaver*. Hal ini demikian kerana makna perkataan *machete* iaitu sejenis pisau yang lebar dan berat adalah lebih jelas untuk menggambarkan ciri-ciri parang tetapi tidak menggambarkan kegunaannya. Walaupun perkataan *machete* dapat menggambarkan ciri-ciri parang secara umumnya, namun perkataan tersebut tidak dapat diterjemahkan sebagai parang kerana budaya barat menganggap

bahawa *machete* merupakan *short sword* atau dalam bahasa Melayu ialah pedang pendek (<https://en.m.wikipedia.org/wiki/Machete>). Oleh hal yang demikian, penterjemah tidak menggunakan perkataan *machete* supaya tidak wujud kekeliruan terhadap pembaca sasaran.

Sehubungan dengan itu, pengkaji beranggapan bahawa penterjemah cenderung untuk menggunakan perkataan *blade* kerana beliau mengaitkan kegunaan pedang dalam budaya barat bagi situasi bertempur atau untuk berlawan dengan musuh. Keadaan ini sama dengan budaya Melayu dahulu yang menjadikan parang sebagai senjata untuk bertempur atau menunjukkan perasaan marah. Perkara ini dikukuhkan lagi berdasarkan lagu Aci-aci Buka Pintu yang dimuatkan dalam filem Nasib Si Labu Labi pada tahun 1963 menunjukkan bahawa penterjemahan lirik tersebut dilakukan sekitar tahun 1960-an. Oleh itu, terjemahan lirik tersebut dilakukan oleh penterjemah dengan mengaitkan kegunaan parang dalam budaya Melayu pada suatu ketika dahulu lalu disesuaikan dengan kegunaan *blade* atau pedang dalam budaya barat.

KESIMPULAN

Penterjemahan ialah proses untuk memindahkan sesuatu bahasa iaitu bahasa sumber kepada bahasa sasaran bagi menyampaikan informasi atau mesej daripada penulis teks sumber kepada pembaca sasaran tanpa mengubah makna asal dan pembaca sasaran dapat merasakan perasaan yang sama dengan penulis teks apabila mereka membaca teks terjemahan tersebut. Namun, proses penterjemahan menjadi lebih sukar apabila melibatkan dua budaya masyarakat yang berbeza. Hal ini demikian kerana, seseorang penterjemah perlu memikirkan pelbagai aspek sebelum melaksanakan suatu terjemahan yang melibatkan dua budaya berbeza. Penterjemah harus mengambil berat tentang budaya masyarakat sasaran supaya hasil terjemahan tidak menimbulkan kekeliruan atau menyentuh isu-isu sensitif dalam budaya tersebut. Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap terjemahan lirik lagu-lagu P. Ramlee iaitu lagu Aci-aci Buka Pintu, Mencece dan Bunyi Gitar, terdapat perbezaan budaya yang terdiri daripada aspek hubungan sosial, ekologi, peribahasa dan kiasan, warna, ungkapan lisan, kepercayaan masyarakat dan kebendaan atau peralatan. Oleh itu, perkara ini jelas menunjukkan bahawa penterjemahan yang dilakukan hendaklah

memberi perhatian terhadap budaya masyarakat sasaran supaya ia tidak menimbulkan sebarang kekeliruan dan salah faham antara pembaca sasaran terhadap penulis teks sumber.

Implikasi kajian yang pertama ialah dapat memberi manfaat kepada sesiapa sahaja terutamanya golongan pelajar atau pengkaji seterusnya yang hendak melakukan penyelidikan tentang penterjemahan yang melibatkan dua budaya berbeza. Implikasi yang kedua ialah penterjemah dapat menggunakan kajian ini sebagai rujukan sebelum melaksanakan terjemahan terhadap sesuatu teks yang melibatkan dua bahasa dan budaya masyarakat yang berlainan atau dengan menggunakan bahan kajian yang berbeza dengan kajian ini. Implikasi yang terakhir ialah kajian ini boleh menjadi bahan bacaan kepada masyarakat bagi memberi pendedahan yang lebih jelas terhadap budaya sendiri iaitu budaya Melayu dan budaya lain yang terdapat dalam dunia ini terutamanya budaya barat. Hal ini demikian kerana perkara ini penting bagi sesebuah masyarakat untuk memahami budaya sendiri di samping mengambil tahu budaya masyarakat lain. Oleh itu, kajian yang akan datang boleh membincangkan pula tentang perbezaan budaya antara budaya Melayu dengan budaya lain seperti budaya Jepun, Cina, India dan lain-lain.

RUJUKAN

- Asmah Hj. Omar. 1985. Language and The World-View of The Malay Peasants dalam Mohd Taib Osman (ed.). *Malaysian World-View*. Southeast Asian Studies Program.
- Baker, M. 1992. *In Other Words*. London: Routledge.
- Catford, J.C. 1996. *Teori Linguistik*. Diterjemahkan oleh Uma a/p Iyavoo dan Koh Chung Gaik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Evelyn Lim Lay Lin. 2001. Masalah dan Kaedah Menterjemah. Dlm. Norizah Ardi et al. *Asas dan Kemahiran Menterjemahan*. Selangor: August Publishing Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dwibahasa Oxford Fajar Edisi Kelima*. 2011. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Khairunisah Syed Ibrahim. 2008. Unsur Budaya dalam Koleksi Terjemahan Cerita Jenaka Bahasa Melayu-Jerman. Satu Analisis. Disertasi, Universiti Malaya.
- Lim Lay Lin. 2003. Masalah dan Kaedah Menterjemah. Dlm. Norizah Ardi et al. *Asas dan Kemahiran Menterjemahan*. Selangor: August Publishing Sdn. Bhd.
- Newmark, P. 1988. *A Textbook of Translation*. United Kingdom: Prentice Hall International.
- Newmark, P. 1988. Masalah dan Kaedah Menterjemah. Dlm. Norizah Ardi et al. *Asas dan Kemahiran Menterjemahan*. Selangor: August Publishing Sdn. Bhd.

- Nida, Eugene A. 1994. *Towards a Science of Translating*. Leiden: E.J. Brill.
- Nida, Eugene A. 1994. Prinsip-prinsip dan Pendekatan Penterjemahan. Dlm. Norizah Ardi et al. *Asas dan Kemahiran Menterjemahan*. Selangor: August Publishing Sdn. Bhd.
- Noraziah Binti Abdul Aziz. 2014. *Analisis Leksikal Budaya Dalam Rimba Harapan dan Terjemahannya La Jungle De L'espoir*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Norizah Ardi. 2008. Masalah dan Kaedah Menterjemah. Dlm. Norizah Ardi et al. *Asas dan Kemahiran Menterjemahan*. Selangor: August Publishing Sdn. Bhd.
- Normalis Amzah. 2008. Unsur Budaya dalam Terjemahan Bahasa Jepun ke Bahasa Melayu: Analisis karya Konosuke Matsushita. Disertasi, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Oxford Advanced Learner's Dictionary*. 2010. New 8th Edition. United Kingdom: Oxford University Press.
- Toury, G. 1978. Masalah dan Kaedah Menterjemah. Dlm. Norizah Ardi et al. *Asas dan Kemahiran Menterjemahan*. Selangor: August Publishing Sdn. Bhd.
- Tylor. 1871. Masalah dan Kaedah Menterjemah. Dlm. Norizah Ardi et al. *Asas dan Kemahiran Menterjemahan*. Selangor: August Publishing Sdn. Bhd.
- Za'ba. 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rujukan Internet
- Darussyifa' Mentakab. 2011. Kemusykilan di Jawab Tuan Guru Dato Dr. Haron Din, <http://dsyifamentakab.blogspot.my/2011/02/> (diakses pada 15 November 2017).
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. 2016. *Acı*, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=aci> (diakses pada 2 November 2017).
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. 2016. *Nana*, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=nana> (diakses pada 2 November 2017).
- Youtube. 2007. *Lagu Acı-aci Buka Pintu*, <https://www.youtube.com/watch?v=HEYVjKN1BfQ&spfreload=10> (diakses pada 4 November 2017).
- Youtube. 2008. *Lagu Mencece*, <https://www.youtube.com/watch?v=9yPW05Mpmvs&spfreload=10> (diakses pada 4 November 2017).
- Youtube. 2011. *Lagu Bunyi Gitar*, <https://www.youtube.com/watch?v=w4ZEX2cPbRo&spfreload=10> (diakses pada 4 November 2017).
- Wikipedia. 2017. *Artikel 160 Perlembagaan Malaysia*, https://ms.wikipedia.org/wiki/Artikel_160_Perlembagaan_Malaysia (diakses pada 7 November 2017).
- Wikipedia Ensiklopedia Bebas. 2013. *Hidung Belang*, [https://ms.wikipedia.org/wiki/Hidung_belang_\(watak\)](https://ms.wikipedia.org/wiki/Hidung_belang_(watak)) (diakses pada 7 November 2017).
- Wikipedia Ensiklopedia Bebas. 2015. *Aparteid*, <https://ms.wikipedia.org/wiki/Aparteid> (diakses pada 7 November 2017).
- Wikipedia. 2016. *Machete*, <https://en.m.wikipedia.org/wiki/Machete> (diakses pada 10 November 2017).

Muhammad Nur Akmal Bin Rosli
 Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
 Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang Selangor
 E-mel: akmalaman@gmail.com

Rohaidah Binti Kamaruddin
 Pensyarah Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
 Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang Selangor
 E-mel: rohaidah_k@upm.edu.my

Diserahkan: 24 Februari 2018
 Diterima: 20 April 2018